



**Datuk Prof Madya
Dr Wan Ahmad
Fauzi Wan Husain**

Perisytiharan darurat tidak bersifat kepartian

Ada sesetengah pihak mengutarakan pandangan mengenai darurat yang dikatakan menganggu Perlembagaan, kedudukan Parlimen dan pilihan raya. Pada masa sama, ada yang mempersoalkan kewajaran darurat itu dilaksanakan.

Bagaimanapun, pandangan itu tidak benar sekiranya dilihat dalam konteks Perlembagaan dan sejarah darurat yang pernah berlaku di negara ini.

Secara perundangan, Perisytiharan Darurat seperti terkandung dalam Warta Kerajaan PUA(A) menyatakan Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk mengeluarkan darurat yang berlaku yang menyebabkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam dalam Persekutuan adalah terancam berikutan wabak penyakit berjangkit laju COVID-19.

Sebelum ini, permintaan sama tidak dipernkankan kerana baginda berpandangan keadaan masih boleh diawal melalui peruntukan undang-undang sedia ada.

Darurat di sisi Perlembagaan bermaksud suatu keadaan bahaya besar mengancam keselamatan, kesihatan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Ia sama ada ancaman besar berkesan sedang berlaku atau apabila Yang di-Pertuan Agong berkuasa hati itu akan berlaku seperti diperuntukkan Perlembagaan 150 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, tindakan mana-mana pihak mempertikaikan keputusan Yang di-Pertuan Agong, amatlah tidak wajar.

Menurut Istana Negara dalam kenyataan media Selasa lalu, baginda membuat keputusan selepas pertimbangan pandangan pihak berwajib, bukanlah semata-mata bertindak di atas permintaan Jemaah Menteri. Perlembagaan 150(4) menyatakan keputusan Yang di-Pertuan Agong di bawah Perlembagaan 150(1) tidak boleh dicabar mahkamah atas apa jua alasan kerana hal puas hati baginda dibuat dalam Fasal (1) ialah mahkamah dan konklusif termasuk juga kuasa bertusunan proklamasi itu serta mana-mana ordinar yang dimasyhurkan baginda dan penurusan kuasa kuasa mana-mana ordinar itu.

Justeru, tidak seperti diuar-uarikan oleh sesetengah pihak, hakikatnya darurat tidak menganggu Perlembagaan Persekutuan kerana pengurusan darurat dibuat berdasarkan kuasa termaktub dalam Perlembagaan itu sendiri.

Setiap peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan di Negeri-negeri masih berkuat kuasa, melainkan dimasyhurkan suatu ordinar yang bertentangan sebaliknya, itu pun masih tertakluk pada syarat-syarat di bawah Perlembagaan 150.

Bagitu juga halnya dengan kedudukan Parlimen dan pilihan raya dalam PRU. Menurut Perlembagaan 55 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen bersidang dan tidak membiarkannya enam bulan berlaku antara persidangan akhir dalam suatu persidangan dengan tarikh ditetapkan bagi mesyuarat pertamanya dalam penggabungan berikutnya.

Keperluan untuk diadakan PRU masih panjang, iaitu dalam tempoh lima tahun selepas mesyuarat pertama Parlimen.

Jika tarikh bagi kedua-dua proses tersebut ingin ditangguhkan, maka suatu ordinar bermaksud semelikan perlahan-lahan dimasyhurkan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam tempoh darurat, kuasa-kuasa diperuntukkan di bawah Perlembagaan 150 Perlembagaan Persekutuan boleh dilaksanakan Yang di-Pertuan Agong.

Baginda mempunyai kuasa untuk memasyhurkan mana-mana ordinar dikehendaki disebabkan darurat walaupun tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun ia tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Sabah atau Sarawak.

Bagitu juga yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara semelikan atau berhubung dengan agama, kewarganegaraan atau bahasa.

Yang di-Pertuan Agong juga boleh memasyhurkan apa-apa ordinar sebagaimana yang diingati perlu

mengikut hal keadaan jika baginda berkuasa hati ada hal keadaan tertentu menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan serta-merta.

Baginda boleh jika keadaan mengizinkan untuk memanggil Parlimen bersidang bagi maksud pembentangan ordinar.

Dalam hal ini, Majlis Parlimen dikira sebagai bersidang hanya jika ahli setiap Majlis itu masing-masing berhimpuh bersama dan menjalankan urusan majlis itu.

Sesatu ordinar dimasyhurkan mempunyai kuat kuasa dan kesan sama seperti Akta Parlimen sehingga ordinar itu dibatalkan atau ditugaskan di bawah Perlembagaan 150(4) atau sehingga ordinar itu luput di bawah Fasal (7).

Rakyat, pemimpin politik perlu menginsafi keputusan Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan perisytiharan darurat adalah semata-mata demi kepentingan rakyat jelata serta keperluan kerajaan untuk menangani penularan dan implikasi COVID-19.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memasyhurkan ordinar semasa darurat boleh dijalankan berhubung dengan apa-apa perkara mengenai Yang di-Pertuan Agong berkuasa membuat undang-undang tanpa mengabaikan tatacara perundangan atau tatacara lain dikehendaki diikuti atau perkarahan jumlah undi dikehendaki diperoleh di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.

Ringkasnya, prerogatif Yang di-Pertuan Agong untuk membuat ordinar begitu luas selagi berada dalam batas dibenarkan dan untuk membatalkan maksiat darurat itu disyitiharkan.

Justeru, rakyat tidak perlu gelisah dengan perisytiharan darurat kali ini. Meskipun Persekutuan berada dalam tempoh darurat dari 1969 hingga 2012, Malaysia terus membangun. Parlimen bersidang dan PRU dilaksanakan mengikut jadual.

Hanya dalam tempoh 10 Mei 1969 hingga 19 Februari 1971, perundangan Parlimen ditangguhkan dan kembali bersidang pada 26 Februari 1971.

Ahli politik juga seharusnya tidak cepat melatah kerana mereka tidak dihalang untuk mengemukakan undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri sama ada dalam prosiding Parlimen atau di luar Dewan Rakyat.


Parlimen masih boleh dipanggil bersidang mahupun dibubarkan dalam tempoh darurat mengikut peruntukan Perlembagaan 150(4). Selagi tiada ordinar dimasyhurkan Yang di-Pertuan Agong untuk menyekat atau membenarkan sesuatu di luar amalan biasa, maka amalan sedia ada masih berkuat kuasa.

Kesimpulannya, rakyat dan pemimpin politik perlu menginsafi keputusan Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan perisytiharan darurat adalah semata-mata demi kepentingan rakyat serta keperluan kerajaan untuk menangani penularan dan implikasi COVID-19.

Tindakan baginda tidak bersifat kepartian. Jemaah Menteri pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin menunjukkan ketulusan apabila memohon perubahan sebuah jawatankuasa bebas turki dianggotai wakil pemimpin pembangkang untuk menilai keperluan tempoh darurat bagi pertimbangan Yang di-Pertuan Agong.

Malah, prosiding Parlimen semasa darurat boleh digubal menerusi ordinar.

Pemulis adalah Pengarah Institut Tindakan dan Kajian Strategik (ITKAS), Universiti Malaysia Perlis (UNIP).



Sidang/Redaksi

Pengarang Kumpulan
SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINANDAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

Ketua Kongres, Komunikasi & Multimedia NPSB
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZAMAN
madzaini@bh.com.my